

18/02/2001

Zainuddin sedia bertemu wartawan Malaysiakini.com

KUALA LUMPUR: Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata beliau bersedia bertemu pegawai kanan dan wartawan Malaysiakini.com tetapi mereka hendaklah menulis surat rasmi menyatakan sebab-sebab hendak bertemu beliau.

"Ini bukan amalan saya tetapi saya mempelajari amalan meminta temu janji ini dari Malaysiakini yang meminta pemberita yang pergi ke pejabatnya mengemukakan pertanyaan bertulis untuk mereka menjawabnya.

"Ini juga bukan amalan pemimpin di negara ini dan juga pemimpin pembangkang sendiri yang kita lihat dari kaca televisyen dan juga diketahui oleh ramai pemberita di negara ini mereka boleh mendapat jawapan atau menemuramah pemimpin tanpa temu janji atau mengemukakan pertanyaan secara bertulis," katanya.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam mengenai hasrat Malaysiakini.com tempatan itu untuk mengadakan pertemuan dengannya.

Zainuddin berkata, pengarang Malaysiakini mempunyai prasangka dan prejudis terhadap media di Malaysia apabila tidak mahu memberikan kenyataan spontan kerana menganggap akan disalahtafsirkan oleh wartawan.

"Bagaimana media elektronik boleh menyalahafsirkan apa juga kenyataan kerana ia akan direkodkan dan disiarkan secara visual," katanya.

Ini jelas menunjukkan Malaysiakini meletakkan dirinya pada pihak yang sepanjang masa mempunyai prasangka buruk terhadap kerajaan.

"Prasangka buruk ini sepatutnya tidak ada pada Malaysiakini yang mendakwa dirinya bebas dan tidak memihak ke mana-mana dan tidak mempunyai ikatan atau mendapat bantuan asing," katanya.

Beliau berkata sepatutnya Malaysiakini mengubah fikirannya kerana kenyataannya semalam yang mempunyai beberapa fakta yang cuba mengelirukan pembaca terhadap agendanya yang sebenar sudah disalurkan oleh Bernama, sebuah agensi di bawah Kementerian Penerangan.

"Ini satu bukti, fikiran prejudis Malaysiakini yang ternyata tidak benar," katanya.

Dalam satu kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysiakini Premesh Chandran kelmarin, beliau mendakwa Zainuddin membuat "dakwaan-dakwaan tidak berasas" terhadap Malaysiakini dengan mempersoalkan kredibiliti dan sumber kewangannya.

Ia menyatakan, (RTM) juga digunakan untuk melancarkan kritikan terhadap Malaysiakini sejak minggu lalu.

"Jika Zainuddin mempunyai keraguan mengenai kredibiliti Malaysiakini, kami bersedia menemui beliau untuk memberi penjelasan," kata Chandran.

Beliau juga menafikan laporan menerusi RTM dan media Malaysiakini enggan menjawab soalan wartawan.

Ketika mempertikaikan kredibiliti Malaysiakini, RTM semalam melaporkan laporan oleh editor Malaysiakini, Steven Gan yang mendedahkan mengenai kematian 59 pendatang tanpa izin di kem tahanan sementara Semenyih pada 1995 adalah palsu.

Menurut Chandran, pendedahan itu adalah berdasarkan fakta dan laporan RTM yang menyebut hanya sembilan orang mati dalam insiden itu sebenarnya merujuk kepada insiden lain yang tidak berkaitan.

Beliau berkata Gan memenangi Anugerah Institut Akhbar Malaysia pada 1996 bagi pendedahan itu yang melaporkan pendatang tanpa izin mati disebabkan pelbagai penyakit ketika berada di kem tahanan itu.

Gan, yang ketika itu berkhidmat untuk akhbar The Sun dan kumpulannya

menerima anugerah berkenaan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Chandran.

Beliau berkata RTM merujuk kepada kejadian merusuh pada 1998 di kem tahanan itu oleh pendatang tanpa izin apabila kerajaan hendak menghantar mereka pulang ke negara asal.

Menurutnya, Malaysiakini mempunyai dasar yang jelas tindakan undang-undang bagi fitnah bertulis dan fitnah secara lisan boleh menjejaskan kebebasan bersuara dan ia harus diambil hanya sebagai opsyen terakhir, bukan opsyen pertama.

"Kami percaya usaha harus dijalankan bagi membetulkan dan menjelaskan laporan kerana cara ini lebih baik daripada menggunakan saluran undang-undang untuk memohon ganti rugi.

"Bagaimanapun, kami akan mengambil tindakan yang perlu dalam kes apabila pihak berkenaan terus membuat dakwaan tidak berasas," kata beliau.

Chandran sebelumnya berkata Malaysiakini dibiayai oleh pelbagai sumber dan bukan oleh George Soros Foundation seperti dilaporkan oleh majalah Far Eastern Economic Review dalam keluaran 8 Februari lalu.

(END)